

Abstrak

Pengkaji menyiapkan sebuah disertasi yang bertajuk “Penguasaan Masdar : Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab Di IPTS Perak”. Kajian ini membicarakan tentang penguasaan pelajar-pelajar di IPTS Perak berkaitan dengan Masdar di dalam Nahu Bahasa Arab. Penguasaan ini meliputi kemahiran bertutur dan menulis di dalam Bahasa Arab.

Kandungan disertasi ini juga menyentuh beberapa perkara berkaitan penguasaan Masdar di kalangan pelajar iaitu dari sudut pencapaian pemahaman tentang tajuk ini di samping menerangkan beberapa masalah yang mempengaruhi pencapaian pelajar.

Pada peringkat permulaan pengkaji membuat kajian perpustakaan berkaitan masdar dan diterangkan di dalam sebuah bab disertasi ini. Ia meliputi beberapa bab masdar yang dipilih selaras dengan sukatan pelajar yang menjadi responden bagi menjayakan kajian ini.

Seterusnya disertasi ini menerangkan metod kajian yang dijalankan terhadap responden bagi menilai tahap kemampuan dan mengukur penguasaan serta mengkaji elemen-elemen yang membantu tahap pencapaian pelajar. Tidak ketinggalan punca-punca yang menjejaskan penguasaan termasuk kekeliruan dan kelemahan yang dihadapi pelajar. Elemen-elemen ini diperolehi melalui edaran borang soal selidik terhadap pelajar berkaitan latar belakang pelajar dan soalan-soalan berkaitan masdar. Data juga diperolehi melalui temubual terhadap pelajar dan tenaga pengajar di institusi berkenaan.

Di akhir disertasi ini pengkaji membuat rumusan dan cadangan berdasarkan dapatan kajian iaitu penguasaan Masdar di kalangan pelajar dipengaruhi dengan tempoh pembelajaran dan teknik pengajaran yang membantu merangsang pencapaian pelajar.